

# Shahrir: Kerajaan tak amal pilih-kasih

KUALA LUMPUR, Rabu — Pelaksanaan dasar Pandang ke Timur tidak bererti jika kerajaan mengamalkan pilih-kasih terhadap pelabur-pelabur atau negara-negara dari Barat seperti Amerika Syarikat.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Shahrir Abdul Samad berkata hari ini, tujuan kerajaan mewujudkan dasar itu adalah untuk menimbulkan kesedaran kepada rakyat supaya bekerja kuat dan mengamalkan etika kerja yang baik.

Katanya, tanpa dasar itu sekalipun, syarikat-syarikat Jepun akan terus memenangi tender dan kontrak di negara ini kerana keupayaan dan kemampuan mereka bersaing.

"Tetapi dengan adanya dasar ini, Jepun kini lebih bertanggungjawab terhadap Malaysia dan rakyat negara ini dalam memberikan latihan dan teknologi kepada anak-anak tempatan," katanya.

## Kontrak

Menjawab satu pertanyaan di majlis ceramah kepada ahli-ahli Dewan Perniagaan Amerika di sini, beliau berkata, Malaysia bersikap lebih terbuka terhadap Amerika Syarikat.

Dalam ucapannya, Datuk Shahrir berkata, ahli-ahli perniagaan dan pelabur Amerika Syarikat di negara ini perlu mensifatkan diri mereka sebagai sebahagian daripada keseluruhan masyarakat perniagaan Malaysia, mendapat keuntungan dan berkorban bersama-sama anggota lain masyarakat itu.

Dalam hubungan ini, beliau mengesyorkan syarikat-syarikat Amerika memajukan bidang kontrak kecil dalam sektor pembuatan sebagai

sebahagian dari dasar untuk menggalak dan menyokong pembangunan industri kecil.

Katanya, mereka boleh menyertai industri elektronik yang dapat menyediakan peluang-peluang bagi kerja kontrak kecil menerusi peraturan membeli balik barangan yang dibuat dan sebagainya.

Datuk Shahrir juga menyentuh masalah perlindungan dan berbagai sekatan yang dikenakan oleh negara-negara maju terhadap negara-negara membangun.

Katanya, langkah-langkah itu dikenakan dalam berbagai bentuk termasuk anti longgokan barangan, kuota import, mengenakan berbagai duti import dan peraturan-peraturan yang menyusahkan.

Menurut Timbalan Menteri itu, dakwaan-dakwaan tanpa asas juga dibuat terhadap negara-negara membangun.

Datuk Shahrir berkata, walaupun tidak ada tanda-tanda menunjukkan sikap perlindungan itu berkurangan di Amerika Syarikat, namun demikian Malaysia memandang pasaran di negara itu sebagai sesuatu yang terbuka.

Beliau yakin langkah negara itu meminda beberapa peraturan, termasuk piawai dan mutu nanas bertin bagi menyesuaikan eksport barangan itu dari Malaysia dan pindaan kuota tarif import tuna, akan meningkatkan lagi hubungan dagangan dua hala antara kedua-dua negara.